

KISAH TRAGIK TIADA KESAN

■ **Mentaliti penghuni flat masih buang sampah dari atas walaupun dipasang jaring**



KERJA pemasangan jaring giat diteruskan.

Saadiah Ismail
news@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Pemasangan jaring keselamatan di blok perumahan rakyat (PPR) akan dilakukan secara berperingkat terutama di bahagian yang berbahaya bagi mengelak kejadian tidak diingini berulang.

Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Wan Ghazali Nor berkata, buat masa ini, DBKL akan meneliti kawasan mengikut kesesuaian dan keperluan.

Katanya, selain itu, DBKL juga akan melaksanakan program kesedaran, pemasangan liter kamera tertutup (CCTV) dan gotong royong supaya penduduk di PPR lebih sensitif serta bertanggungjawab.

"Kami juga mengadakan program Terbabit, Mendidik dan Kuatkuasa (3E) dengan

melantik ketua blok untuk pastikan setiap koridor selamat dan jika tidak, DBKL akan ambil tindakan.

"Penyewa PPR juga perlu patuh dengan peraturan dan jika terbukti mereka bersalah, serta merta boleh terbatil perjanjian untuk menduduki rumah PPR itu.

"Justeru, kami berusaha untuk memastikan penduduk di PPR berdisiplin selari dengan peningkatan kemudahan disediakan kepada mereka," katanya.

Tinjauan NSTP di Blok 102, PPR Sri Pantai, Pantai Dalam menunjukkan kontraktor menyiapkan pemasangan jaring berkenaan di kawasan kejadian.

Namun setakat ini, hanya satu tempat dipasang. Walaupun pemasangan sedang dilakukan, tinjauan turut mendapati terdapat sampah dibuang dari flat berkenaan yang secara tidak langsung menunjukkan mentaliti penduduk belum berubah.

Pengawal keselamatan, Abu Kassim Matjan 53, berkata, walaupun pihak berkuasa sudah memasang jaring untuk menghalang sebarang objek jatuh daripada tingkat atas, namun ia masih lagi tidak dihiraukan sege-lintir penghuni.

Katanya, kejadian tragik yang berlaku kepada penghuni seolah tidak meninggalkan kesan dan ia boleh dilihat dengan sikap penghuni yang masih melontarkan sampah daripada tingkat atas.

"Mentaliti penduduk di sini masih kelas ketiga biarpun kemudahan kelas per-

tama dan jika kami menegur, ia disalah anggap hingga membawa kepada pergaduhan. Selagi belum kena pada keluarga sendiri, selagi itu tiada kesedaran.

"Saya harap selepas ini lebih banyak pemasangan jaring dilakukan di semua tempat yang berpotensi berlaku kejadian seperti itu lagi. Ini kerana tidak semua orang dapat berwaspada sentiasa dan moga tiada lagi nyawa yang melayang," katanya.

Sementara itu, pengasuh, Zaleha Bujang, 50, berkata, pemasangan jaring ini amat bertepatan dengan situasi yang berlaku sebelum ini.

"Jika ada objek yang dibaling dari atas, sekurang-kurangnya ia tidak akan membahayakan penduduk di sini. Lebih-lebih lagi kanak-kanak yang berulang-alik dari rumah ke sekolah, kedai dan sebagainya.

"Objek ini dibaling tidak kira masa, jadi memang tepat apa yang dilakukan pihak berkuasa dan berharap penduduk di sini sama-sama menghargai apa yang disediakan kerajaan," katanya.

Kuala Lumpur

Sedia maaf pelaku

"Saya minta individu yang melanggar anak saya tampil mengaku kesalahannya. Saya sudi memaafkannya," kata Mohd Rashidi Osman Nusi, 37, berhubung kejadian langgar lari terhadap anak lelakinya Mohd Razcen, tiga tahun.

Mangsa cedera sejurus dirempuh kereta ketika melintas jalan bersama ibu saudaranya di Jalan Raya 6, Taman Serdang Jaya di sini, jam 1.30 tengah hari Khamis lalu.

Pemandu kereta yang melanggar mangsa bagaimanapun melarikan diri dari lokasi kejadian.

Mohd Rashidi berkata, anaknya dalam perjalanan ke kawasan parkir kereta yang terletak 10 meter dari rumahnya sambil ditemani ibu saudaranya, Sabariah Osman Nusi, 41.

Kuantan


Promosi Pantai Batu Hitam

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) Pahang bersedia memelihara dan membangunkan Pantai Batu Hitam secara besar-besaran sebagai destinasi pelancongan terkemuka di negeri ini.

Pengarahnya Datuk Idros Yahya berkata, beberapa langkah sudah dilakukan dan dikenal pasti dilakukan di kawasan pantai itu untuk menjadikannya sebagai alternatif selain Pantai Teluk Chempedak dan Cherating di bandar ini.

"Kami sudah memperbesar kawasan parkir, menaik taraf tandas dan gerai makan untuk memberikan kesetiaan kepada pengunjung.

"Selain itu, beberapa kemudahan lain seperti pusat rekreasi sedang dirancang untuk diwujudkan," katanya.



PEMASANGAN jaring keselamatan di PPR Sri Pantai oleh DBKL.

FAKTA
Program 3E lantik ketua blok untuk pastikan setiap koridor selamat